

21/10/2002

Karyawan anjur majlis khas buat kembar siam

Hardi Effendi Yaacob

PERSATUAN Karyawan Malaysia (Karyawan) akan menganjurkan satu majlis kesyukuran sempena kejayaan pembedahan memisahkan pasangan kembar siam, Ahmad dan Muhammad, sekali gus menyambut kepulangan mereka yang dijadualkan tiba di tanah air menjelang Aidilfitri nanti.

Naib Presiden Karyawan, Freddie Fernandez, memaklumkan kenduri kesyukuran itu dijadualkan berlangsung di Saloma Bistro & Theatre Restaurant, Kuala Lumpur yang akan dihadiri bukan saja oleh golongan selebriti tetapi juga wakil kerajaan dan sektor korporat.

Acara itu sekali gus membuktikan persatuan itu prihatin dengan nasib yang menimpa masyarakat. Sebelum ini Karyawan pernah menyalur pelbagai bentuk sumbangan khususnya dari segi kewangan kepada beberapa pertubuhan kebajikan termasuk Sekolah Kanak Kanak Insan Istimewa Cemerlang (SKIIC) dan Yayasan Anak Yatim Jempol.

"Karyawan cuba membantu dengan cara tersendiri. Sebelum ini kami berjaya mengumpulkan dan menyerahkan sumbangan wang tunai sebanyak RM40,000 sempena Malam Sentuhan Kasih Karyawan kepada SKIIC, baru-baru ini," katanya dalam satu kenyataan media.

Freddie berkata, apa yang dilakukan Karyawan menunjukkan penggiat seni tempatan turut peka terhadap isu semasa serta membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Pasangan kembar siam Ahmad dan Muhammad berjaya dipisahkan dalam satu pembedahan mendebarkan selama 23 jam di Hospital King Fahad National Guard, Arab Saudi, pada 17 September lalu.

Keadaan mereka kini beransur pulih selepas mendapat rawatan pakar perubatan di sana dan keprihatinan Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Abdullah Abdul Aziz, yang membiayai kos pembedahan berkenaan kira-kira RM1.6 juta.

"Karyawan akan mengumumkan tarikh dan waktu majlis buat Ahmad dan Muhammad akan diadakan. Kami berharap majlis yang dirancangkan ini mendapat kerjasama dari pelbagai pihak, bukan saja dari kalangan artis tetapi segenap lapisan masyarakat dan sektor korporat," katanya.

Sabtu lalu, pasangan adik beradik dari Puchong itu dikunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah di Riyadh.

Ketua pakar bedah hospital berkenaan, Dr Abdullah Al Rabeeah, berkata Ahmad dan Muhammad kini mempunyai satu kaki dan akan dipasangkan dengan kaki palsu dalam dua atau tiga minggu lagi.

Mereka dijangka pulang ke Malaysia Ramadan nanti dan mungkin dapat menyambut hari raya bersama sanak saudara.